

05/07/1997

Umno dan sentuhan Si Tanggang ketiga

Abu Hassan Adam

SECARA umum dapat disimpulkan ada empat tahap perjuangan Umno sejak ia ditubuhkan pada 1946 dulu, iaitu 51 tahun lalu:

* Perjuangan menentang Malayan Union iaitu usaha kuasa penjajah British meluntur dan menggugurkan hak orang Melayu di bumi kelahirannya sendiri;

* Perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air yang akhirnya dapat dicapai pada 1957; dan

* Perjuangan merealisasikan hasrat dan impian Dasar Ekonomi Baru yang dicetuskan pada 1970 iaitu selepas peristiwa pahit 13 Mei 1969.

* Perjuangan merealisasikan Wawasan 2020 dan pembabitan aktif orang Melayu dalam pergolakan dunia kurun ke-21, terutama dalam menghadapi 'borderless world' dan multimedia.

Tiga daripadanya dapat disempurnakan hasil titik peluh pejuang Tanggang pertama. Dan jangan dilupakan kejayaan sedemikian bukan mudah dicapai. Ia melalui onak duri dan gelombang yang bukan kepalang. Tanpa ketabahan yang mantap besar kemungkinannya hasrat itu tidak akan tercapai. Namun demikian hasil kemantapan pejuang lampau dapat dicapai akhirnya, walaupun tidak selengkap yang diimpikan.

Dr Mahathir sendiri mengakui hakikat itu ketika berucap merasmikan Persidangan Agung Umno 1992 dulu. Ketika itu beliau merasakan bangsa Melayu masih belum hebat. Beliau menyatakan: "...tetapi maruah orang Melayu belum dipulihkan sepenuhnya. Pencapaian orang Melayu dan Bumiputera dalam bidang ilmu, perniagaan, perusahaan, teknologi moden dan reka cipta masih di peringkat rendah. Dengan itu, dunia masih tidak memberi kredit sewajarnya kepada orang Melayu dan Bumiputera terhadap kejayaan negara Malaysia."

Apa yang dikecapi oleh kita pada hari ini adalah hasil perjuangan orang tua kita:

* Wujudnya perpaduan dalam Umno dan terlaksananya hasrat dan cita-cita itu adalah hasil usaha orang tua kita. Jangan dilupakan fungsi Tunku Abdul Rahman yang sanggup memikul tanggungjawab sebagai Presiden Umno selepas dipujuk oleh pemimpin Umno ketika itu untuk menerajui Umno;

* Adanya kestabilan politik dan muhibah di antara kaum di Malaysia adalah hasil benih yang ditanam oleh orang tua kita juga. Mereka yakin kewujudan pelbagai kaum di negara ini boleh dimanfaatkan sepenuhnya. Di atas keyakinan itulah kita kecapai keadaan seperti yang dilihat hari ini.

* Ratusan graduan lulus dari pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara adalah hasil perjuangan mereka. Jangan dilupakan jasa bakti Tun Abdul Razak yang 'bermati-matian' menumpukan perhatian ke arah pendidikan yang amat berharga itu.

* Kemakmuran dan keselesaan yang dikecapi hari ini adalah hasil daripada pembinaan infrastruktur yang terbina pada masa lampau, walaupun sebahagian daripada usaha itu dilakukan oleh kita hari ini.

Persoalan yang ada di depan kita dan perlu dijawab ialah sanggupkah generasi penerus dalam Umno melakukan tugas besar di hadapan sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh orang tua kita? Apakah sudah dikenal pasti masalah dan isu dunia yang akan diharungi pada kurun yang akan datang dan jika sudah apakah bentuk dan strategi perjuangan yang akan digunakan bagi menangani masalah itu. Sudah lengkapkah persiapan generasi penerus bagi menghadapi gelombang yang akan datang.

Mungkin persoalan yang sebeginilah yang selalu mendatangkan kerunsingan kepada pemimpin hari ini terutama Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim. Entah

berapa kali Perdana Menteri menyentuh isu yang sebegini dan entah berapa puluh ucapan yang perlu dibuat oleh Anwar yang membangkitkan perkara itu.

Dalam ucapannya pada perhimpunan Agung Umno 1996 lalu, Dr Mahathir ada menegaskan: "...bahawa Umno adalah suatu gerakan reformasi atau gerakan pembaharuan bangsa Melayu dan Bumiputera yang lebih mampu dan berkesan daripada mana-mana gerakan reformasi yang lain. Sama ada kita akan dapat menebus maruah kita atau tidak, menjadi bangsa yang dihormati dan dipandang tinggi oleh bangsa-bangsa lain di dunia atau tidak, dan menjadi satu daripada bangsa maju atau tidak, bergantung kepada reformasi budaya yang telah dan akan dibawa oleh Umno. Jika Umno gagal membawa reformasi ini maka bangsa kita, Melayu terutamanya bersama Bumiputera lain akan kembali dihina dan diperhambakan."

Anwar selaku Pemangku Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno tampil juga untuk mempersiapkan diri generasi penerus ini. Beliau mengambil sikap untuk mengingatkan generasi ketiga Umno, mewakili golongan muda yang menjadi ahli baru parti, supaya jangan tamak kuasa, boros dan lupa daratan. Beliau mengingatkan mengenai jerih payah yang dilalui oleh 'orang lama' Umno ketika berusaha untuk memantapkan parti itu.

"Generasi pertama Umno berjalan berbatu-batu ke seluruh pelosok negara dan kampung untuk mengembangkan perjuangan parti serta menubuhkan cawangan baru.

"Generasi kedua menyambung perjuangan dan semangat parti yang diasaskan generasi pertama tetapi kali ini, menggunakan kereta untuk meneruskan usaha berkenaan.

"Kita tidak mahu generasi ketiga nanti lupa daratan dan menjadi malas, boros, tamak kuasa, rasuah dengan alasan segala-galanya dalam Umno elok dan tak ada perjuangan baru untuk diteruskan," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Permatang Pauh.

Saranan yang hampir sama dihamburkan juga oleh Anwar ketika merasmikan perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita dalam tahun 1994. Pada majlis itu beliau mengkritik suara kecewa daripada kalangan usahawan Melayu yang tidak berjaya memperolehi kontrak atau pembahagian lesen yang ditawarkan kerajaan dalam program penswastan kerajaan. "Tuduhan ini didalangi golongan yang serakah, tamak haloba yang sudah gendut dengan habuan mereka selama ini. Sebahagian mereka berdendam dengan kerajaan kerana kita tidak membenarkan membolot semua peluang yang ada. Ada juga golongan mereka yang kalah dalam persaingan secara adil dan saksama tetapi tidak dapat menerima hakikat ini."

Satu hakikat yang perlu disedari ialah terlalu kurang kita berbincang mengenai nasionalisme Melayu berbanding zaman 60-an atau 70-an. Ditinjau pula zaman sebelum isu inilah yang menjadi agenda utama bangsa terutama ahli Umno. Jika ada pun perbincangan mengenai isu itu ia tidak dilakukan dengan penuh penghayatan.

Mungkin ada yang merasakan isu serupa itu sudah menjadi fakta sejarah dan agenda kita kini ialah untuk merebut seberapa banyak kekayaan yang terdaya di bumi bertuah ini dan menentukan pembabitan kita dalam era maklumat yang sedang melanda dunia.

Itu amat penting tetapi mengetepikan satu elemen penting dalam sejarah pembentukan ummah iaitu sejarah perjuangan bangsa dan pahit maung yang dilalui untuk sampai ke matlamat penyempurnaan proses itu tidak harus pula dilakukan.

Orang Melayu digalakkan menerima perubahan dalam sistem ekonomi moden. Penerimaan ini tidak seharusnya secara pasif dengan hanya menunggu ianya datang menggolek. Penerimaan ini perlu diikuti dengan persediaan dari segi pengetahuan dan lebih penting lagi pembentukan budaya yang sesuai yang boleh memberi hasil yang sewajarnya kepada mereka. Penerimaan juga bermakna kesanggupan menerima dan menyokong dasar dan pendekatan yang

diambil oleh kerajaan dalam usaha mengimbangkan pembangunan Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

Di celah-celah suara lantang yang meneriakkan perjuangan yang akan datang wujud juga suara sumbang yang menangisi tenaga anak muda, Tanggung ketiga yang masih bergelumang dengan dadah dan gejala sosial yang menakutkan di samping golongan yang tamak haloba, mengabaikan pegangan agama dan seolah-olah telah lupa daratan dan akar umbinya.

Ketika menyampaikan ucapan perasmian Pemuda dan Wanita pada tahun 1996 yang lalu Anwar ada menyentuh perkara ini. Katanya: "Jika masyarakat muda kita kemelut dan nanar kerana adanya penyakit tandus tujuan, gersang cita-cita, disebabkan kurang dorongan atau bencana kemewahan, maka kitalah yang seharusnya lebih dulu dipersalahkan. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk lebih peka terhadap masalah begini supaya ia dapat dibendung atau dibanteras sebelum terjadi."

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa tidak ada tempat lain bagi orang Melayu untuk `menyangkutkan dagu'. Melainkan kepada Umno. Umno adalah satu-satunya wadah perjuangan umat Melayu.

(END)